

AKHBAR : BERITA HARIAN  
 MUKA SURAT : 1  
 RUANGAN : MUKA HADAPAN

# SOP fasa peralihan endemik

Oleh Noor Atiqah Sulaiman  
 binews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kerajaan menetapkan hanya satu prosedur operasi standard (SOP) dan sembilan garis panduan akan dilaksanakan sebagai panduan untuk rakyat apabila negara memasuki fasa peralihan endemik bermula 1 April ini.

Menteri Kanan Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata SOP Fasa 'Peralihan



SOP yang ada 10 keperluan ini sudah biasa diamalkan semasa Pelan Pemulihan Negara. Saya percaya masyarakat boleh melaksanakannya dengan sebaik mungkin

Datuk Seri Hishammuddin Hussein,  
 Menteri Kanan Pertahanan

ke Endemik' itu sudah diperkenalkan daripada 181 SOP digunakan semasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebelum ini.

"Biar pun hanya ada satu SOP, namun masih menguatkuasakan SOP itu mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342).

"Di bawah SOP ini, terdapat 10 keperluan yang perlu dipatuhi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Sepuluh keperluan itu ialah pemakaian pelitup muka ketika di tempat awam, waktu operasi premis mengikut lesen atau permit, menjaga kebersihan tangan, melakukan ujian pengesanan COVID-19 berdasarkan Strategi Pengujian Kebangsaan, menguruskan kes yang disyaki atau disahkan mengikut garis panduan Kementerian Kesihatan (KKM).

Nasional 3

## Individu positif COVID-19 boleh sebar virus sehingga minimum enam hari

**Washington:** Kajian terbaharu sekumpulan doktor perubatan di Amerika Syarikat (AS) menunjukkan pesakit yang positif COVID-19 boleh menyebarkan virus itu selama sekurang-kurangnya enam hari.

Kajian yang disiarkan di jurnal perubatan dalam talian MedRxiv, kelmarin menyebut sepanjang tempoh itu, virus aktif sama ada varian Omicron atau Delta boleh tersebar tidak kira sama ada seseorang itu sudah divaksinasi atau mendapat dos penggalak.

"Penyebaran virus aktif ini secara purata enam hari selepas gejala bermula dan kira-kira satu dalam empat mangsa yang dikaji didapati menyebarkan virus selama lebih daripada lapan hari," kata pengarang bersama kajian dari Hospital Besar Massachusetts di Boston, Dr Amy Barczak, kelmarin.

MedRxiv ditubuhkan oleh Cold Spring Harbor Laboratory

(CSHL), sebuah badan penyelidikan yang tiada berasaskan keuntungan bersama dengan Universiti Yale dan BMJ, penyedia maklumat perubatan global.

Menerusi kajian terbaharu itu, kumpulan penyelidik menggunakan sampel darah yang diambil daripada 56 pesakit yang baharu disahkan positif, termasuk 37 individu dijangkiti varian Delta, manakala 19 lagi Omicron.

Semua pesakit yang diambil sampel berkenaan menghidap gejala ringan seperti selesena, namun tiada yang dimasukkan ke hospital.

Menurut Dr Barczak, walaupun tidak diketahui dengan tepat jumlah virus yang diperlukan untuk menyebarkan coronavirus, namun data menunjukkan individu dengan jangkitan ringan mungkin menyebarkan wabak itu secara purata selama enam hari dan kadang-kala ia lebih lama.

Nasional 17



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

Fasa Peralihan Endemik

# Pelaksanaan bersifat sehala, ikut perancangan kerajaan

**Jika muncul varian lebih ganas, protokol pembukaan dikaji semula**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Fasa Peralihan Endemik COVID-19 yang akan bermula 1 April ini akan bersifat 'sehala' dan boleh dilaksanakan seperti perancangan kerajaan.

Bagaimanapun, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, pihaknya sedia melihat se-

barang kemungkinan termasuk meneliti kelonggaran diberikan ketika peralihan itu sebaik memasuki fasa berkenaan kelak.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) yang mengamalkan dasar kawalan penyakit berjangkit yang selamat dan menjaga kesihatan awam perlu sentiasa bersedia dengan apa sahaja kemungkinan.

"Satu perkara yang saya sudah nasihatkan Jemaah Menteri adalah sekiranya muncul varian baharu, yang lebih ganas daripada Omicron, bukan sahaja Malaysia, tetapi negara lain pun (kita) mesti kaji semula protokol pembukaan mereka," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada Fasa Peralihan Endemik akan ditarik se-

mula sekiranya sistem kesihatan negara lumpuh.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan negara akan memasuki Fasa Peralihan Endemik bermula 1 April ini yang menyaksikan lebih banyak kelonggaran pergerakan dan operasi perniagaan diberikan.

Khairy berkata, setakat ini berdasarkan maklumat dan data yang ada, kerajaan yakin peralihan endemik ini adalah bersifat sehala, namun KKM tidak boleh menolak kemungkinan muncul varian baharu atau perubahan dari segi sifat epidemiologi virus ini.

"Jadi, contoh jika kita sampai tahap sistem kesihatan lumpuh, kita akan syorkan kepada kerajaan langkah tertentu," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata

pengembara kanak-kanak dan remaja berusia 17 tahun ke bawah tanpa mengira status vaksinasi tidak lagi perlu menjalani Kuarantin susulan pelaksanaan Fasa Peralihan Endemik mulai 1 April ini.

Katanya golongan terbahut hanya perlu menjalani ujian RTK antigen (RTK-Ag) sebaik tiba di Malaysia.

"Bagi pengembara yang menjalani kuarantin sebagai contoh katakan individu itu tiba pada 29 Mac, tempoh kuarantin mereka akan berakhir pada 1 April.

"Bagaimanapun, bagi mereka yang belum lengkap vaksinasi atau tiada vaksinasi, perlu menjalani kuarantin selama lima hari selain perlu mematuhi syarat ditetapkan Malaysia sebaik sahaja menamatkan tempoh kuarantin," katanya.

Khairy berkata, bagi pengem-

"Jadi, contoh jika kita sampai tahap sistem kesihatan lumpuh, kita akan syorkan kepada kerajaan langkah tertentu"

Khairy Jamaluddin, Menteri Kesihatan



bara yang dikesualkan daripada menerima vaksinasi atas faktor kesihatan, individu terbahut perlu memuat naik bukti pengecualian yang diberikan pegawai perubatan ke dalam aplikasi MySejahtera dan akan dinilai KKM.

"Pengembara sempadan darat perlu dibezakan dengan mereka yang datang untuk pelancongan serta mereka yang sering berulang alik atas faktor kerja dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata premis kelab malam masih tidak dibenarkan beroperasi dalam Fasa Peralihan Endemik kerana ia berisiko tinggi penularan COVID-19.

## 10 keperluan SOP sudah biasa diamal orang ramai

Dari Muka 1

Selain itu, menggunakan MySejahtera dan MySJTrace untuk pendaftaran kemunculan, memastikan penjarakan fizikal satu meter, memastikan pengudaraan dan sistem ventilasi yang baik, memastikan kebersihan premis dan mematuhi keperluan vaksinasi untuk aktiviti tertentu.

"Semua 10 keperluan ini sudah biasa diamalkan oleh orang ramai ketika PPN. Atas sebab itu, saya percaya setiap lapisan masyarakat boleh untuk terus melaksanakannya dengan sebaik mungkin," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Menteri Kuartet COVID-19, berkata SOP dan garis panduan itu adalah salah satu daripada tujuh tonggak yang penting dan menyeluruh dalam usaha negara untuk menuju kehidupan yang hampir normal.

Tujuh tonggak yang diumumkan kerajaan sebelum ini merangkumi satu SOP dan sembilan garis panduan; Sistem Amaran dan Tindakan (HAS); Strategi Pengujian Kebangsaan; uji, lapor, asing, maklum dan cari (TRISS); Automated Find, Test, Trace, Isolate, Support (FTTIS); pembukaan sempadan negara secara berperingkat dan pemerikasaan komuniti.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Malaysia akan memasuki Fasa Peralihan Endemik bermula 1 April ini.

Ia adalah fasa peralihan untuk

negara kembali kepada kehidupan normal selepas rakyat bergelut dengan pandemik COVID-19 sejak dua tahun lalu.

Ismail Sabri berkata, fasa berkenaan adalah fasa sementara sebelum negara ke fasa endemik secara sepenuhnya yang mana ia tertakluk pengumuman Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Mengenai sembilan garis panduan berkenaan, Hishammuddin berkata, sembilan garis panduan itu merangkumi aktiviti dalam pelbagai sektor.

Difahamkan, garis panduan itu yang merangkumi aktiviti boleh dan tidak boleh dilakukan dalam pelbagai sektor itu akan diumumkan dalam masa terdekat.

Orang ramai boleh mendapatkan perincian lebih lanjut mengenai sembilan garis panduan itu menerusi satu laman sesawang yang sedang dibangunkan dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) kira-kira dua minggu lagi.

Sembilan garis panduan itu merangkumi pengangkutan dan perjalanan; pendidikan dan penjagaan; aktiviti peruncitan, makanan dan minuman; ruang kerja tertutup; kawasan kerja terbuka; acara, majlis, hiburan dan tarikan pelancong; hotel dan penginapan tetamu; keagamaan, perkahwinan dan pengebumian serta aktiviti dan fasiliti sukan, rekreasi dan riadah.

Hishammuddin berkata, garis panduan itu dibangunkan bagi membantu rakyat membuat pilihan lebih selamat ketika men-

jalankan aktiviti harian demi menjaga keselamatan diri, keluarga dan orang sekeliling.

"Penting untuk saya maklumkan, sembilan garis panduan ini tidak akan dikuatkuasakan, sebaliknya ia akan menjadi panduan yang amat digalakkan untuk dipatuhi supaya rakyat dapat kekal berwaspada dengan risiko jangkitan COVID-19 apabila melakukan aktiviti tertentu.

"Bagi setiap garis panduan ini, terdapat dua perincian iaitu cara penilaian risiko penularan COVID-19, gejala dan cara mengamalkan SOP yang betul. Ia bagi memudahkan masyarakat untuk memahami dengan lebih lanjut berkaitan SOP," katanya.

Hishammuddin berkata, satu laman sesawang sedang dibangunkan dengan kerjasama MKN bagi memudahkan masyarakat memahami dengan lebih lanjut mengenai satu SOP dan sembilan garis panduan ditetapkan serta Fasa Peralihan ke Endemik secara keseluruhannya.

Beliau berkata, laman sesawang itu dijangka dapat diakses dua minggu sebelum 1 April sekali gus membantu masyarakat membuat persiapan sebelum fasa berkenaan bermula.

Dalam pada itu, Hishammuddin turut mengucapkan setinggi penghargaan kepada seluruh Keluarga Malaysia yang mendukung setiap usaha kerajaan menangani COVID-19. Ini termasuklah mematuhi SOP serta mendapatkan suntikan vaksin dan dos penggalak.





AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

## Fasa Peralihan Endemik

# Kekuatan sistem kesihatan mampu lawan COVID-19

Negara miliki peralatan, kelengkapan cukup berdepan pandemik

Oleh Siti Haliza Yusop  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Persediaan rapi dilakukan kerajaan, termasuk penyediaan ubat antiviral, Paxlovid bagi 'melawan' COVID-19 serta kekuatan sistem kesihatan menunjukkan negara sudah bersedia memasuki Fasa Peralihan Endemik, bulan depan.

Pakar Kesihatan Pekerjaan, yang juga Doktor Kecemasan dan Kesihatan Am, Hospital Kasih Cyberjaya, Dr Hanafiah Bashirun, berkata fasa peralihan itu

bukan hanya untuk pertumbuhan ekonomi negara, malah yang lebih utama adalah bagi mengelak tekanan psikososial tinggi dihadapi sesetengah masyarakat berikutan pandemik COVID-19.

"Saya lihat negara sudah bersedia daripada beberapa segi. Pertama, Mac ini kita akan memperoleh Paxlovid, jadi siapa yang dijangkiti COVID-19 dan tidak stabil atau mengalami gejala teruk, boleh diberi antiviral, begitu juga dengan mereka yang tidak divaksin tetapi dijangkiti.

"Keduanya, Kementerian Kesihatan (KKM) sudah bersedia jika terpaksa berdepan dengan peningkatan kes berbanding ketika fasa awal COVID-19 menular sebelum ini.

"Kita bukan sahaja mempunyai cukup peralatan dan kelengkapan seperti ventilator (alat bantuan pernafasan), malah kakitangan perubatan yang ada juga sudah terlatih untuk berdepan dengan COVID-19," katanya.

Mengulas lanjut, beliau juga mengingatkan setiap individu supaya mengekalkan penjagaan sendiri, memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan fizikal bagi mengekang penularan wabak itu.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, mengumumkan negara akan memasuki Fasa Peralihan Endemik sebagai persediaan kembali kepada kehidupan normal selepas rakyat bergelut dengan pande-

mik COVID-19 sejak dua tahun lalu.

Susulan itu, beberapa langkah akan diambil berkuat kuasa 1 April ini, antaranya membenarkan aktiviti solat jemaah di masjid, surau dan rumah ibadat tanpa penjarakan fizikal.

Selain itu, had waktu premis perniagaan yang dikenakan sebelum ini turut dimansuhkan dan sempadan negara dibuka.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Mus-

Fasa peralihan endemik bermula 1 April

Laporan disiarkan BH semalam.



“Peralihan fasa itu bukan hanya untuk pertumbuhan ekonomi negara, malah yang lebih utama adalah bagi mengelak tekanan psikososial tinggi dihadapi sesetengah masyarakat berikutan pandemik COVID-19”

Dr Hanafiah Bashirun,  
Pakar Kesihatan Pekerjaan



lim Malaysia (PRESMA), Datuk Jawahar Ali Taib Khan, meminta orang ramai supaya tidak membudayakan semula amalan berlelap dan berlama-lama di restoran walaupun premis itu dibenarkan beroperasi 24 jam susulan Fasa Peralihan Endemik.

Bagaimanapun, katanya, pengusaha restoran kini berdepan kekangan untuk menjalankan perniagaan disebabkan kekurangan 50 peratus hingga 60 peratus kakitangan berikutan pekerja asing masih tidak dibenarkan kembali ke negara ini.

"Kalau dulu kami beroperasi dengan 10 pekerja, kini hanya empat orang yang tinggal. Penggunaan robot bagi menggantikan tenaga kerja pula membabitkan kos yang tinggi.

"Pengusaha mungkin perlu beralih kepada perkhidmatan layanan diri bagi memastikan restoran dapat memanfaatkan sepenuhnya pemansuhan had operasi perniagaan itu," katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 10  
RUANGAN : RENCANA

# Semakin banyak pilihan, 'senjata' lawan COVID-19 dihasilkan



Timbalan Pengarah  
Institute for Research,  
Development &  
Innovation (IRDI)  
International Medical  
University

Oleh Prof Dr Azizi Ayob  
rencana@bh.com.my

**Mutakhir** ini beberapa negara benua Eropah seperti Denmark dan England melonggarkan sekatan memben-  
dang penularan COVID-19 dengan  
membenarkan pelancong asing masuk ke negara mereka.

Langkah sama bakal diikuti beberapa negara Eropah lain dan Turki tersenarai antara negara yang meng-  
galakkan kedatangan pelancong asing sebagai usaha memu-  
lihkan ekonomi mereka sejak tahun lalu.

Australia mengumumkan perkara sama dengan membuka sempadan bagi membolehkan pelancong asing datang ke negara itu bulan ini, dengan syarat mendapat vaksinasi penuh dan status ujian COVID-19 perlu dilakukan.

Perkembangan ini didorong desakan orang ramai supaya sekatan ditarik balik bagi membolehkan kehidupan kembali normal dan ekonomi dipulihkan, namun syarat kawalan penularan COVID-19 masih perlu dilakukan.

Pada waktu sama, kebanyakan negara melaksanakan program pemberian vaksin COVID-19 kepada rakyat mereka, termasuk mendapatkan dos penggalak selepas ia terbukti berkesan kepada tubuh melawan virus COVID-19.

Dapat disaksikan trend COVID-19 cepat merebak, namun jumlah kematian akibat varian Omicron lebih rendah berbanding varian Delta yang dikesan sejak Mac tahun lalu.

Data statistik kes positif di negara kita juga menunjukkan walaupun jumlah kes positif COVID-19 kini melebihi 30,000 sehari, jumlah pesakit tergolong dalam kategori 3, 4 dan 5 kurang daripada satu peratus.

Melihat kepada perkembangan semasa ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, baru-baru ini mengumumkan kerajaan mempertimbangkan langkah sama seperti diambil negara Eropah terbabit untuk mengisyiharkan fasa endemik.

Namun, kerajaan akan membuat penelitian dan mengambil kira semua faktor semasa sebelum langkah ini dilaksanakan.

Baru-baru ini Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mengumumkan Malaysia meluluskan penggunaan pil untuk rawatan COVID-19 keluaran Pfizer, Paxlovid secara pendaftaran bersyarat untuk kegunaan ketika bencana.

Pil berkenaan membabitkan gabungan molekul baharu, PF-07321332 dan ritonavir antiviral HIV yang perlu diambil sebagai tablet berasingan dan digunakan untuk merawat orang dewasa berumur 18 tahun dan ke atas yang tidak memerlukan terapi oksigen serta berisiko tinggi untuk mendapat gejala COVID-19 serius.

Perlu diperjelaskan antiviral Paxlovid tidak bertujuan digunakan sebagai pengganti kepada vaksinasi COVID-19 atau pengganti tindakan kesihatan awam, terutama prosedur operasi standard (SOP)

untuk mengelak dijangkiti virus berkenaan.

Paxlovid digunakan untuk rawatan aktif selepas seseorang pesakit dijangkiti dan bukan untuk pencegahan penularan COVID-19. Walaupun begitu, amalan pematuhan SOP dan pencegahan penularan masih perlu dipatuhi semua pihak.

Umum mengetahui sejak Disember lalu, media melaporkan pengawal selia ubat-ubatan Kesatuan Eropah (EU) membenarkan negara anggota menggunakan pil baharu COVID-19 keluaran Pfizer, walaupun ubat terbabit belum diberikan kelulusan rasmi.

Oleh yang demikian sebagai langkah kecemasan untuk mengekang gelombang penularan pantas virus varian Omicron di negara kita, adalah wajar kelulusan pendaftaran bersyarat dipertimbangkan

“Penggunaan ubat antiviral yang baru diluluskan KKM mampu memberi kelebihan kepada kita sebagai satu senjata tambahan, selain vaksin untuk beralih ke fasa endemik”

dengan segera.

Namun, pihak pengeluar perlu menyediakan maklumat kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk antivirus, dipantau serta dinilai secara berterusan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan (KKM).

Kerajaan juga menekankan kepentingan pengambilan vaksin dos penggalak kepada semua penduduk dan vaksin COVID-19 kepada mereka yang berumur kurang 18 tahun.

Strategi vaksinasi secara kelompok besar ini ada impaknya melalui data diperoleh KKM iaitu jumlah kemasukan pesakit ke wad, unit rawatan rapi (ICU) dan jumlah kematian akibat COVID-19 semakin berkurang berbanding tahun lalu.

Justeru, penggunaan ubat antiviral yang baru diluluskan KKM mampu memberi kelebihan kepada kita sebagai satu senjata tambahan selain vaksin untuk beralih ke fasa endemik.

Seluruh negara sebelum ini hanya bergantung kepada vaksin sebagai langkah pencegahan, manakala pesakit mempunyai risiko tinggi sangat terdedah kepada jangkitan dan penyakit akibat COVID-19.

Kini, semakin banyak pilihan dan 'senjata' ada dalam negara untuk melawan COVID-19 ketika fasa pandemik ini. Ia diharap memberi sinar dan harapan untuk negara bersedia dalam proses pemulihan negara, ekonomi dan sosial.

Bermakna, semua pihak tanpa mengira kedudukan, pangkat dan fungsi mereka dalam komuniti adalah tunjang keberkesanan kepada strategi sistem kesihatan awam untuk melawan COVID-19.



Strategi vaksinasi secara besar-besaran berjaya mengurangkan jumlah kemasukan pesakit ke wad, ICU dan kematian akibat COVID-19.

(Foto hiasan)



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# Belum memutuskan vaksinasi berkala atau berterusan

Keputusan kerajaan ambil kira penilaian data saintifik, saranan WHO

Oleh Rohaniza Idris  
roha@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan belum membuat keputusan berkaitan pemberian vaksin COVID-19 secara berkala atau berterusan, termasuk kepada kumpulan berisiko tinggi.

Kementerian Kesihatan (KKM) berkata, keputusan kerajaan mengenai keputusan itu adalah bergantung pada syor Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) yang membuat penilaian data saintifik daripada pelbagai sumber dari dalam dan luar negara atau data secara berterusan.

"Ini termasuk mengambil kira syor daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan agensi kesihatan antarabangsa yang lain," katanya melalui jawapan lisan yang disiarkan dalam laman sesawang Parlimen.

Ia bagi menjawab soalan Maria Chin Abdullah (PH-Petaling Jaya) yang ingin mengetahui sama ada suntikan dos penggalak akan menjadi norma baharu dan semua rakyat perlu mengambil



Seorang anggota tentera menemani anaknya menerima suntikan vaksin di sebuah PPV di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

suntikan itu setiap enam bulan.

KKM juga memaklumkan, dasar bagi pemberian imunisasi COVID-19 sama ada untuk siri vaksin utama mahupun dos penggalak adalah mengikut syor TWG bagi pemilihan dan pemberian vaksin.

Selain itu, katanya, pemberian vaksin itu juga merujuk keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin COVID-19 (JKJAV) dan Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi COVID-19 bagi vaksin dos penggalak (CITF-B).

Sementara itu menjawab soalan Ahmad Fadli Shaari (PAS-Pasir Mas), KKM berkata, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) menerima 25,445

laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI).

Katanya, pelaporan AEFI dalam kalangan penerima dos penggalak direkodkan berjumlah 1,275 bersamaan kadar 89 laporan bagi setiap sejuta dos.

"Ini lebih rendah daripada kadar keseluruhan pelaporan AEFI (381 bagi setiap sejuta dos). Daripada jumlah laporan AEFI yang diterima bagi dos penggalak ini, hanya 90 laporan (7.06 peratus) diklasifikasikan sebagai serius bersamaan kadar 6.3 laporan bagi setiap juta dos.

"NPRA menerima 45 laporan AEFI membabitkan kematian dalam kalangan penerima dos penggalak yang memerlukan penyiasatan dan penilaian," katanya.

## Angka jangkitan kembali melonjak kepada 31,490 kes

**Putrajaya:** Selepas mencatat penurunan, angka jangkitan COVID-19 dalam negara kembali melonjak dengan 31,490 kes baharu direkodkan kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia menjadikan jumlah individu dijangkiti virus berkenaan sehingga kini meningkat kepada 3,655,345 kes.

Daripada jumlah itu, katanya 31,017 kes membabitkan penularan tempatan dengan 473 lagi adalah kes import yang mendapat jangkitan luar negara.

Mengulas lanjut, beliau berkata pesakit dalam kategori dua paling tinggi di kes dengan 18,623 kes atau 59.14 peratus, diikuti kategori satu dengan 12,692 kes, kategori tiga (62 kes), kategori lima (61 kes) dan kategori empat (52 kes).

"Daripada keseluruhan kategori tiga hingga lima itu 107 kes (61.14 peratus) meliputi individu berusia 60 tahun ke atas, dengan sudah menerima dua dos vaksin tetapi belum mendapatkan dos penggalak meliputi 90 kes.

"Sebanyak 46 kes lagi sudah menerima dos penggalak, mempunyai komorbid (43 kes) dan tidak divaksinasi atau belum lengkap vaksin (39 kes)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Sehingga kini, Dr Noor Hisham berkata sebanyak 373 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) membabitkan 153 kes disahkan COVID-19 dengan 220 kes lagi disyaki, berkemungkinan

nan dan dalam siasatan.

"Bagi pesakit ICU dan memerlukan alat bantuan pernafasan, setakat ini terdapat 223 pesakit iaitu 94 kes disahkan COVID-19 serta 129 kes disyaki, berkemungkinan dan dalam siasatan," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham memaklumkan sehingga semalam terdapat 29,035 kes sembuh dilaporkan, menjadikan sehingga kini 3,340,889 individu sudah pulih sepenuhnya daripada jangkitan berkenaan.

Sementara itu, data COVIDNOW memaklumkan, sehingga kini terdapat 306,680 kes aktif dengan kebolehan jangkitan di negara ini. Daripada jumlah itu, sebanyak 95.9 peratus atau 294,242 kes sedang menjalani kuarantin wajib di rumah, berada di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) sebanyak 3,397 kes dan hospital (86,68).

Selain itu, sebanyak 79 kes kematian akibat COVID-19 dilaporkan setakat tengah malam tadi, menjadikan jumlah angka korban kini meningkat kepada 33,384 kes.

Johor merekodkan angka kematian tertinggi dengan 16 kes, diikuti Kedah dan Perak masing-masing dengan 13 kematian. Negeri lain mencatatkan pertambahan angka korban ialah Selangor dengan 11 kematian, masing-masing lima kes di Sabah dan Pahang, empat di Kelantan, tiga di Melaka, masing-masing dua di Pulau Pinang, Sarawak dan Kuala Lumpur serta satu di Negeri Sembilan.



Dr Noor Hisham Abdullah

## Ubat untuk saluran darah berkesan rawat COVID-19

Dari Munich 1

"Keputusan untuk langkah pengasingan dan pemakaian pelitup muka harus mengambil kira maklumat sedemikian tanpa mengira jenis varian atau status vaksinasi," katanya.

Kumpulan penyelidik juga berkata, menerusi ujian makmal yang dijalankan, ubat digunakan untuk rawatan saluran darah dipanggil angiotensin ternyata berkesan sebagai rawatan COVID-19.

Itatibant atau dikenali sebagai Firazyry oleh syarikat

farmaseutikal Jepun, Takeda Pharmaceutical, menyekat protein yang dipanggil bradikinin reseptor b2 ke dalam sistem dikenali sebagai kinin.

Protein itu dikawal oleh protein ACE2 pada permukaan sel yang digunakan coronavirus sebagai pintu masuk untuk jangkitan.

Apabila penyelidik menganalisis sel hidung yang diperolehi daripada pesakit baru didiagnosis, mereka mendapati tahap reseptor bradykinin b2 yang tinggi.

Penyelidik Universiti Teknikal Munich, Dr Adam Chaker

berkata, penemuan itu membuat mereka tertanya-tanya sama ada menyekat protein dengan itatibant boleh melindungi sel lapisan saluran pernafasan daripada coronavirus.

"Apa yang mengejutkan kami, itatibant berkesan mengurangkan jumlah virus lebih daripada 90 peratus dan melindungi sel saluran pernafasan manusia daripada kematian sel apabila berlaku jangkitan SARS-CoV-2.

"Itatibant menggunakan laluan biokimia yang berbeza untuk melindungi saluran udara

daripada steroid dan penemuan ini diterbitkan dalam *Journal Of Molecular Medicine*, Sabtu lalu," katanya.

Tambah beliau, individu dijangkiti COVID-19 yang lahir dengan kecacatan jantung, mempunyai risiko lebih tinggi untuk mendapat simptom kritikal atau sehingga membawa kepada kematian.

Dapatan itu diambil daripada kajian membandingkan 421 orang pesakit dengan kecacatan jantung yang dimasukkan ke hospital disebabkan COVID-19 dengan 235,638 pesakit COVID-19 yang dimasukkan ke

hospital serta dilahirkan dengan jantung normal.

Menurut laporan yang diterbitkan kelmarin dalam jurnal *Circulation*, mereka yang mengalami kecacatan jantung kongenital adalah 40 peratus lebih berkemungkinan dimasukkan ke unit rawatan rapi (ICU).

Selain itu, lebih 80 peratus lagi berkemungkinan memerlukan pengedaran mekanikal, dan dua kali lebih banyak kematian semasa dimasukkan ke hospital, berbanding pesakit dalam kumpulan tanpa penyakit kronik itu. REUTER



AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 3  
 RUANGAN : LOKAL



IBU bapa membuat pendaftaran kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun untuk vaksinasi melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Soka Galdai, Kluang, semalam. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Oleh Noor Atiqah  
 Sulaiman  
 am@hmetro.com.my

Putrajaya

**K**elantan kembali menjadi negeri tertinggi merekodkan penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi (ICU) iaitu kini mencecah 73 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lima negeri lain yang mencatatkan penggunaan katil ICU melebihi 50 peratus adalah Kuala Lumpur dengan 65 peratus serta Johor (63 peratus).

"Selain itu, Selangor dengan penggunaan melebihi 61 peratus, Perak (55 peratus) dan Putrajaya (50 peratus). Bagi penggunaan katil bukan ICU, sehingga kini terdapat 11 negeri mencatatkan penggunaan melebihi

## PENGUNAAN KATIL DI ICU

# Kelantan cecah 73 peratus



*Turut mencatatkan penggunaan katil bukan ICU melebihi 50 peratus ialah Melaka dengan 73 peratus, Sarawak (74 peratus), Pahang (70 peratus) dan Pulau Pinang (60 peratus)"*

Dr Noor Hisham

hi 50 peratus.

"Daripada jumlah itu, dua negeri merekodkan penggunaan lebih 100 peratus iaitu Putrajaya (114 peratus) dan Selangor (101 peratus). Negeri lain ialah masing-masing 93 peratus di Perlis, Perak dan Kuala Lumpur, Terengganu (83 peratus) dan Kelantan (79 peratus).

"Turut mencatatkan penggunaan katil bukan ICU melebihi 50 peratus ialah Melaka dengan 73 peratus, Sarawak (74 peratus), Pahang (70 peratus) dan Pulau

Pinang (60 peratus)," katanya.

Mengulas mengenai penggunaan katil di Pusat Kuaran dan Rawatan Covid-19 (PKRC), Melaka kekal negeri tunggal merekodkan penggunaan melebihi 50 peratus iaitu kini peratusannya mencecah 55 peratus.

"Bagi pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan, jumlahnya kekal dengan 223 pesakit, ia menjadikan penggunaan alat bantuan berkenaan kini adalah 25 peratus," katanya.

## DENGGI

# Bilangan kes di Kedah naik 177%

**Alor Setar:** Kedah mencatatkan peningkatan kes denggi sehingga 177.2 peratus atau 101 kes bagi tempoh bermula 1 Januari hingga Isnin lalu.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr Othman Warjo, berkata bilangan kes denggi yang dicatatkan kini adalah sebanyak 158 kes berbanding hanya 57 kes pada tempoh sama tahun lalu.

"Antara faktor penyumbang utama peningkatan kes denggi di Kedah adalah disebabkan kekerapan hujan serta peningkatan pergerakan penduduk berbanding ketika tempoh Perintah Kawalan Perge-

rakan (PKP) pada 2020 dan 2021.

"Berikutan itu, kita berusaha melaksanakan langkah pencegahan dan kawalan di semua lokaliti kes denggi bagi memutuskan rantaian jangkitan.

"Antara langkah pencegahan yang dilaksanakan adalah aktiviti kawalan vektor membabitkan pemeriksaan premis, semburan kabus, penghapusan tempat pembiakan dan pendidikan kesihatan," katanya dalam kenyataannya di sini, semalam.

Dr Othman berkata, sehingga Isnin lalu sebanyak 65,890 premis sudah diperiksa.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19



ORANG ramai menerima vaksin dos penggalak di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Soka Galdai, Klang berikutan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melanjutkan tempoh pemberian dos penggalak sehingga 31 Mac ini kepada individu yang menerima vaksin jenis Sinovac. Bermula 1 April ini, sekiranya mereka masih belum mendapatkan dos penggalak berkenaan, status vaksinasi lengkap golongan ini akan ditukar sebagai tidak lengkap dalam aplikasi MySejahtera. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Oleh Rohaniza Idris  
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**K**erajaan masih belum membuat keputusan berkaitan pemberian vaksin Covid-19 secara berkala atau berterusan termasuklah kumpulan yang berisiko tinggi.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berkata, keputusan kerajaan mengenai perkara itu adalah bergantung kepada syor Kumpulan Kerja Teknikal (TWG) yang membuat penilaian data saintifik daripada pelbagai sumber dari dalam dan luar negara atau data secara berterusan.

"Ini termasuk mengambil kira syor daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) serta agensi kesihatan antarabangsa yang lain," menurut jawapan lisan yang disalurkan dalam laman web Parlimen, semalam.

Jawapan itu bagi menjawab soalan **Marja Chin Abdullah** yang ingin mengetahui sama ada suntikan vaksin penggalak akan menjadi norma baharu dan semua rakyat perlu mengambil suntikan itu setiap enam bulan.

## PEMBERIAN VAKSIN SECARA BERTERUSAN

# KKM belum buat keputusan

KKM juga memaklumkan dasar bagi pemberian vaksin Covid-19 ini sama ada untuk siri vaksin utama mahupun vaksin dos penggalak adalah berdasarkan syor TWG bagi pemilihan dan pemberian vaksin.

Selain itu, pemberian vaksin itu juga merujuk keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Jaminan Akses Vaksin Covid-19 (JKJAV) dan mesyuarat Jawatankuasa Petugas Khas Imunisasi Covid-19 bagi vaksin dos penggalak (CITF-B).

Sementara itu, menjawab soalan **Ahmad Fadhli Shari (PN-Pasir Mas)** mengenai statistik aduan rakyat terhadap kesihatan selepas menerima suntikan vaksin dos penggalak, KKM memaklumkan Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) menerima 25,445 laporan Kesan Advers Susulan



**Keputusan kerajaan mengenai perkara itu bergantung kepada syor TWG yang membuat penilaian data saintifik daripada pelbagai sumber dari dalam dan luar negara atau data secara berterusan"**

KKM

Imunisasi (Aefi).

Katanya, pelaporan Aefi dalam kalangan penerima dos penggalak direkodkan berjumlah 1,275 bersamaan kadar 89 laporan bagi setiap sejuta dos.

"Ini adalah lebih rendah daripada kadar keseluruhan pelaporan Aefi (381 bagi setiap sejuta dos). Daripada

jumlah laporan Aefi yang diterima bagi dos penggalak ini, hanya 90 laporan (atau 7.06 peratus daripada jumlah laporan Aefi diterima bagi dos penggalak) diklasifikasikan sebagai serius bersamaan kadar 6.3 laporan bagi setiap juta dos.

"NPRA menerima 45 laporan Aefi membabitkan kematian dalam kalangan penerima vaksin dos penggalak yang memerlukan penyiasatan dan penilaian.

"Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin Covid-19 (JFK) telah menjalankan penilaian ke atas 22 laporan yang lengkap penyiasatan dan didapati kematian yang dilaporkan itu tiada hubung kait dengan vaksin yang diterima.

"Terdapat 23 laporan lagi masih dalam proses penyiasatan sebelum boleh dibentangkan untuk penilaian oleh JFK," katanya.

## 31,490 kes baharu, 29,035 kes sembuh

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 175 daripada 31,490 kes baharu Covid-19 dilaporkan kelmarin membabitkan pesakit kategori tiga hingga lima.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan baki 31,315 kes baharu pula terdiri daripada kategori satu dan dua, sekali gus menjadikan kumulatif kes positif Covid-19 negara berjumlah 3,680,953 manakala 29,035 kes sembuh dilaporkan kelmarin menjadikan kumulatif kes sembuh sebanyak 3,340,889.

"Daripada 175 kes Covid-19 kategori tiga hingga lima itu, 39 kes membabitkan individu tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi. 90 kes pula di kalangan pesakit menerima dua dos vaksin Covid-19, tetapi belum menerima dos penggalak.

"Sebanyak 46 kes pula menerima dos penggalak manakala 107 kes berumur

60 tahun dan ke atas serta 43 kes mempunyai komorbid," katanya dalam satu kenyataan mengenai situasi semasa jangkitan Covid-19 negara, semalam.

Dr Noor Hisham memaklumkan sebanyak 1,967 kes Covid-19 dimasukkan ke hospital kelmarin membabitkan 691 kes kategori tiga hingga lima dan 1,276 kes kategori satu dan dua.

Beliau berkata, sebanyak 373 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) dan 223 kes memerlukan bantuan pernafasan, sekali gus menjadikan kadar penggunaan alat bantuan pernafasan kini adalah 25 peratus.

Beliau berkata, nilai kadar kebolehhajatan (Rt) Covid-19 negara kini ialah 1.07 dengan Sarawak mencatatkan Rt tertinggi iaitu 1.36 diikuti Kuala Lumpur (1.26), Terengganu (1.19), Perak (1.16) dan Negeri Sembilan (1.11).

## 64.2 peratus populasi dewasa sudah terima dos penggalak

**Kuala Lumpur:** Seramai 15,113,923 individu dewasa atau 64.2 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini sudah menerima dos penggalak Covid-19 sehingga kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web COVID-NOW, sejumlah 22,930,441 atau 97.5 peratus daripada populasi sama sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,207,220 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, sebanyak 1,060,063 individu atau 29.9 peratus kumpulan itu menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program

Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKs).

Sementara itu, bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sebanyak 2,832,919 individu atau 91 peratus daripada populasi itu melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,933,324 atau 94.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan sebanyak 68,624 dos vaksin diberikan meliputi 19,511 dos pertama, 1,835 dos kedua dan 47,278 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) sebanyak 67,869,343.



AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

# Sempadan ditutup jika....

Oleh Raja Noraina  
Raja Rahim  
rnoraina@hmc-  
tro.com.my

*Pembukaan sempadan, kelonggaran diberi  
dikaji semula jika muncul varian lebih ganas*

## Kuala Lumpur

Pembukaan semula sempadan dan kelonggaran diberikan kerajaan akan dikaji semula sekiranya muncul varian baharu Covid-19 yang lebih ganas serta boleh melumpuhkan sistem kesihatan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin bagaimanapun yakin negara dapat terus beralih ke fasa endemik berdasarkan data dan maklumat semasa mengenai jangkitan Covid-19 ketika ini.

Katanya, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mengamalkan Dasar Kawalan Penyakit Berjangkit yang selamat dan menjaga kesihatan awam akan sentiasa bersedia sebarang kemungkinan.

"Sekiranya muncul varian baharu lebih ganas daripada varian Omicron. Bukan saja Malaysia tapi negara lain pun mesti kaji semula protokol pembukaan mereka.

"Kita tidak boleh tolak ke-



Kita tidak boleh tolak kemungkinan berlaku varian baharu atau perubahan dari segi sifat epidemiologi virus ini. Sebagai contoh jika sampai tahap sistem kesihatan lumpuh, kita akan mengesyorkan kepada kerajaan langkah tertentu"

Khairy Jamaluddin

mungkin berlaku varian baharu atau perubahan daripada segi sifat epidemiologi virus ini. Sebagai contoh jika sampai tahap sistem kesihatan lumpuh, kita akan mengesyorkan kepada kerajaan langkah tertentu.

"Tapi setakat ini kita masih lagi melihat transisi ini boleh diteruskan," katanya semalam.

Beliau berkata, perkembangan terkini penularan wabak itu sentiasa dipantau Institut Kesihatan Negara (NIH).

## Pusat hiburan belum boleh beroperasi

Kuala Lumpur: Pusat hiburan atau kelab malam masih tidak dibenarkan beroperasi walaupun negara akan memulakan fasa peralihan ke endemik pada 1 April ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, premis hiburan berisiko tinggi berlaku penularan Covid-19.

"Hanya satu jenis premis sahaja yang akan berada dalam senarai negatif yang tidak boleh dibuka iaitu kelab malam.

"Ini kerana keadaan premis berkenaan yang berisiko tinggi walaupun dalam fasa peralihan ke endemik," katanya dalam sidang media, semalam.

Sejak penularan Covid-19 dalam negara, kerajaan tidak membenarkan sebarang aktiviti di pusat hiburan.

Pengusaha premis atau individu yang didapati ingkar prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan itu boleh dikenakan tindakan disiplin kom-

## Protokol tambahan pengembara

Kuala Lumpur: Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin semalam mengumumkan protokol tambahan pembukaan sempadan antarabangsa kepada pengembara bermula 1 April ini.

Katanya, perintah kuarantin pengembara yang memasuki negara sebelum tarikh berkenaan tamat pada 1 April.

"Sebagai contoh jika seseorang individu mula kuarantin pada 29 Mac, maka kuarantin tamat pada 1 April.

"Kanak-kanak dan remaja berusia 17 tahun ke bawah tanpa mengira status vaksinasi tidak perlu menjalani kuarantin dan hanya perlu

lakukan ujian Covid-19 RTK-Ag dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan di Malaysia," katanya dalam sidang media, semalam.

Selain itu, Khairy berkata, individu tidak mendapat vaksinasi lengkap atau tidak menerima vaksinasi langsung wajib menjalani kuarantin selama lima hari selepas ketibaan di Malaysia.

Menurutnya, selepas kuarantin, individu terbahagi perlu ikut syarat tidak lengkap vaksinasi seperti ditetapkan kerajaan antaranya tak boleh makan di restoran.

Bagaimanapun, katanya, pengembara yang tidak menerima vaksinasi atas faktor kes-

ihatan perlu memuat naik bukti pengecualian diberikan pegawai perubatan ke dalam aplikasi MySejahtera.

Bagi perincian lanjut mengenai protokol pembukaan sempadan negara itu, kata beliau, kerajaan melancarkan portal baharu yang boleh dilayari di <https://covidprotocol.moh.gov.my/>.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan sempadan negara dibuka sepenuhnya mulai 1 April ini.

Langkah itu selaras dengan pengumuman negara memulakan peralihan ke fasa endemik.



IBU bapa membuat pendaftaran kanak-kanak berumur lima hingga 11 tahun untuk menerima vaksin pada Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICK) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Soka Gakki, Klang. - Gambar NSTP/FAIZ ANUAR

Kuala Lumpur: Seramai 119,719 kanak-kanak berusia bawah 12 tahun dijangkiti Covid-19 bagi tempoh Januari hingga pertengahan bulan ini, susulan penularan varian Omicron.

Daripada jumlah itu, 37,845 kes kategori satu manakala kategori dua (81,849 kes), kategori tiga (274 kes), kategori empat (86 kes) dan kategori lima (25 kes).

Mendedahkan situasi membimbangkan itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jama-

## 119,719 budak bawah 12 tahun dijangkiti

luddin berkata, golongan terbahagi berisiko tinggi mendapat jangkitan daripada varian berkenaan berbanding dengan varian sebelumnya.

Katanya, ia juga disebabkan golongan itu mudah terdedah dan belum menerima perlindungan sewajarnya berbanding golongan dewasa yang sudah lengkap vak-

sinasi. "Risiko jangkitan varian Omicron meningkat sekiranya kanak-kanak itu mempunyai komorbid atau tergolong dalam kumpulan berisiko tinggi seperti mempunyai penyakit paru-paru kronik, jantung, lemah sistem imun badan, kencing manis selain, sedang menjalani rawatan mengguna-

kan steroid, kanser, asma dan obesiti.

"Jangkitan varian itu juga menunjukkan gejala lain seperti cirit-birit, muntah, dehidrasi dan demam sawan walaupun kategori jangkitan adalah rendah," katanya dalam sidang media semalam.

Mengulas lanjut, Khairy berkata, kadar kemasukan kanak-kanak ke wad Pusat

Penjagaan Intensif Pediatrik (Picu) bagi kategori tiga hingga lima meningkat sebanyak 94 peratus.

Katanya, keadaan kritikal yang boleh berlaku kepada kanak-kanak akibat jangkitan Covid-19 adalah *Multi System Inflammatory Syndrome in Children* (MIS-C) yang mana terjadinya keradangan pada organ dalaman teru-

tama jantung, paru-paru dan otak.

Menurutnya, sehingga kini tujuh kes atau empat peratus kematian kanak-kanak disebabkan MIS-C susulan jangkitan Covid-19 selain berisiko mendapat *Long Covid*.

Justeru, beliau merayu ibu bapa membawa anak masing-masing mendapatkan suntikan vaksinasi bagi memastikan golongan itu mendapat perlindungan sewajarnya.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : NEGARA

## Kerajaan rayu ibu bapa bawa anak segera ambil vaksin

**KUALA LUMPUR** – Kerajaan merayu kepada ibu bapa supaya segera mendapatkan suntikan vaksin untuk anak mereka kerana tempoh untuk tunggu dan lihat kini sudah tamat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, setakat ini hanya 30 peratus kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun yang telah menerima dos pertama mereka.

Katanya, beliau amat sedih dengan perkembangan tersebut kerana jumlah itu masih terlalu rendah sedangkan kes semakin tinggi.

"Saya rayu kepada ibu bapa supaya membawa anak-anak untuk mendapatkan vaksin kerana kes jangkitan Covid-19 masih tinggi.

"Masa tunggu dan lihat sudah tamat sedangkan ibu bapa masih

belum membuat pilihan untuk memberikan vaksinasi kepada anak mereka. Saya merayu agar ibu bapa bawa anak mereka untuk terima suntikan vaksin di mana-mana PPV," katanya pada sidang akhbar khas di Parlimen semalam.

Menurut Khairy Jamaluddin, pihaknya akan memantau tahap jangkitan semasa selari dengan keputusan kerajaan untuk beralih kepada fasa endemik.

Tambahnya, sekiranya wujud ancaman varian baharu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menasihatkan jemaah menteri untuk menilai semula keputusan itu mengikut keperluan.

"Ada kemungkinan wujud varian baharu yang lebih berbahaya daripada Omicron," katanya.

Sementara itu, Khairy Jamaluddin berkata, KKM telah



**KANAK-KANAK** perlu mengambil vaksin kerana kes jangkitan Covid-19 masih tinggi di negara ini. – GAMBAR HIASAN

memperkenalkan portal yang mempunyai protokol individu semasa berkaitan Covid-19.

Katanya, portal itu dikemas kini dari semasa ke semasa mengenai protokol yang perlu diikuti

oleh pengembara dan warganegara yang memasuki pintu sempadan bermula 1 April ini.

"Antaranya ialah jika seseorang sedang menjalani kuarantin sebelum 1 April 2022, perintah kuarantin individu tersebut akan tamat pada 1 April.

"Kanak-kanak dan remaja yang berumur 17 dan ke bawah tidak perlu menjalani kuarantin dan mesti melakukan ujian sendiri dalam tempoh 24 jam selepas ketibaan di Malaysia," katanya.

Ujar Khairy Jamaluddin, individu yang belum lengkap vaksin atau tidak menerimanya langsung mesti menjalani kuarantin selama lima hari selepas tiba di Malaysia.

Orang ramai boleh melayari protokol itu melalui laman [covid-protocol.moh.gov.my/](https://covid-protocol.moh.gov.my/) untuk maklumat lanjut.



AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : NEGARA

# Bolehkah individu positif bersikap jujur?

**Analisis Semasa**Bersama  
**NUR HUDA MUSA**

**PENERIMAAN** orang ramai terhadap virus pembunuh, Covid-19 ketika ini jauh berbeza berbanding tahun lalu.

Jika sebelum ini, mereka nampak bimbang sehingga ada yang 'mengurung' diri dan keluarga di rumah ekoran status vaksinasi negara yang masih rendah.

Namun kini, situasi itu berlainan apabila orang ramai dilihat lebih selesa dan selamat selepas mendapat vaksin.

Tambahan pula, pengenalan prosedur operasi standard (SOP) baharu di mana individu berusia 18 tahun ke atas yang sudah lengkap vaksin serta dos penggalak tidak perlu menjalani kuarantin sekiranya dikesan menjadi kontak rapat.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar baru-baru ini memaklumkan, individu yang dikesan menjadi kontak rapat hanya perlu membuat ujian saringan sendiri (RTK) dan sekiranya didapati positif, mereka perlu melaporkan keputusan itu di aplikasi MySejahtera serta menjalani isolasi di rumah.

Jika pada awal wabak ini dikesan individu positif Covid-19 atau mempunyai kontak rapat pasti akan dipakaikan gelang merah jambu bagi mengelak mereka keluar dari rumah sesuka hati.

Bagalmanapun, disebalik kelonggaran ini, wujud kebimbangan adakah seseorang yang dikesan positif boleh berlaku jujur?

Adakah mereka akan melaporkan status kontak rapat pada aplikasi MySejahtera?

Jika kita lihat di media sosial, ramai ketika ini dengan bangganya mengaku bahawa mereka keluar rumah walaupun positif Covid-19.

Malah, ada juga yang mengaku perkara itu mudah dilakukan kerana banyak premis sudah tidak menyemak status MySejahtera pelanggan selain tiada pengenalan pesakit Covid-19 kerana mereka tidak dipakaikan gelang merah jambu.

Pakar Kesihatan Awam, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan Universiti Putra Malaysia, Prof. Dr. Malina Osman berkata, situasi berkenaan bergantung kepada sikap dan tanggungjawab seseorang, bagaimana mereka mahu melindungi diri sendiri dan juga orang sekeliling.

Sekiranya mereka berbohong katanya, kesan buruk bukan pada diri mereka tetapi individu lain terutama golongan rentan.

Malah, kata Dr. Malina, tindakan itu juga bukanlah perkara yang sepatutnya dibangga-bang-

gakan dan ditularkan seperti yang banyak berlaku ketika ini.

"Saya memandang tindakan sebagai satu keadaan mengambarkan tiada semangat patriotik dalam diri mereka selain tidak bersama-sama membantu melindungi golongan rentan."

"Pada masa ini, walaupun kes banyak kesannya tidak begitu ketara berbanding varian Delta. Tetapi, kita sekarang ini berumba dengan masa untuk melindungi golongan yang rentan," katanya baru-baru ini.

Tambahnya, tindakan individu sesuka hati tidak mahu menjalani kuarantin membahayakan golongan tidak divaksin kerana mereka mungkin akan mendapat komplikasi teruk.

"Jadi, keadaan tersebut sepatutnya dielakkan. Setiap kali seseorang itu positif wabak Covid-19, walaupun dia tidak mempunyai simptom ketara, dia masih perlu menjalani kuarantin."

"Tindakan itu penting walaupun simptom tidak teruk. Ini kerana, jika virus itu berjangkit pada individu lain, dia mungkin akan menyebabkan orang lain itu mendapatkan simptom yang teruk kerana imun seseorang itu tidak sama," ujarnya.

Jelas Dr. Malini lagi, sekiranya kesedaran melindungi golongan rentan masih kurang dalam diri semua orang, maka proses pemulihan untuk berubah ke fasa endemik agak sukar dilakukan.



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Hanya kelab malam dilarang beroperasi

Satu-satunya premis masih tidak dibenarkan, berisiko tinggi menyebarkan virus Covid-19

Oleh NAZRIN ZULKAFLI

SHAH ALAM

**K**elab malam adalah satu-satunya premis yang masih tidak dibenarkan beroperasi meskipun negara memasuki fasa peralihan ke endemik mulai 1 April ini.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ini kerana premis tersebut berisiko tinggi dalam menyebarkan virus Covid-19.

"Bulan April nanti, hanya ada satu premis yang masih tidak boleh dibuka. Ia merupakan premis yang berisiko tinggi walaupun dalam peralihan endemik," katanya.

Khairy berkata demikian bagi menjawab soalan wartawan semasa sidang akhbar mengenai peralihan ke endemik yang disiarkan secara langsung menerusi beberapa platform media sosial pada Rabu.

Pada Selasa, Perdana Menteri,



Khairy pada sidang akhbar berkenaan peralihan ke endemik yang disiarkan secara langsung menerusi beberapa platform media sosial pada Rabu.

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan Malaysia akan memasuki fasa peralihan ke endemik mulai 1 April ini.

Menurut Ismail Sabri, keputusan itu dibuat setelah mengambil kira pelbagai faktor, melakukan penilaian risiko, mendapatkan pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan meneliti syor daripada Menteri Kuartet.

Jelas beliau, had waktu operasi bagi premis perniagaan turut dimansuhkan dan pemilik premis dibenarkan menjalankan perniagaan mengikut waktu seperti dalam syarat lesen masing-masing.

Selain itu, Khairy turut menjelaskan bahawa bagi fasa peralihan endemik, ia merupakan sehalai iaitu

tidak akan ditarik semula meskipun kes kembali meningkat.

"Salah satu perkara saya telah nasihat jemaah menteri, sekiranya muncul varian baharu yang lebih ganas daripada Omicron, bukan sahaja Malaysia tetapi negara lain juga mesti kaji semula pembukaan sempadan mereka.

"Tetapi setakat ini dengan maklumat sedia ada dan data yang ada, kita yakin bahawa peralihan ini sehalai. Masih lagi boleh diteruskan.

"Tetapi KKM tidak boleh tolak kemungkinan varian baharu atau perubahan dari sifat epidemiologi virus itu. Jika kita sudah sampai tahap sistem kesihatan lumpuh, kita akan syorkan langkah tertentu," jelas Khairy lagi.



Orang ramai dinasihatkan agar terus patuh SOP dan memakai pelitup muka di tempat awam walaupun negara akan beralih ke fasa peralihan endemik bermula 1 April depan.

## Kerajaan terus lindungi rakyat daripada Covid-19

**SHAH ALAM** - Kerajaan akan terus prihatin dan melindungi rakyat daripada penularan jangkitan Covid-19 walaupun negara beralih ke fasa peralihan endemik bermula 1 April depan, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar.

Menurut Khairy, proses peralihan juga perlu disusuli dengan perubahan, daripada bergantung intervensi kerajaan kepada solidariti komuniti dan tanggungjawab individu.

